

Empat RUU dibawa ke persidangan akan datang

Keratan Akhbar Bt

Tarikh 19/7/2024

Empat rang undang-undang (RUU) yang sepatutnya diputuskan pada mesyuarat Dewan Rakyat kali ini, ditangguhkan ke mesyuarat akan datang.

RUU berkenaan ialah RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024, RUU Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024, RUU Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dan RUU Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024.

Usul penangguhan RUU itu dikemuka Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi

Institusi), M Kulasegaran selepas selesai sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

"RUU ini seperti yang tertera di nombor empat hingga tujuh dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-Usul pada hari ini (semalam) ditangguh bacaan kali kedua dan ketiga, dan dibawa ke mesyuarat akan datang," katanya.

RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 berkaitan kewarganegaran dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 25 Mac lalu, manakala bacaan kali kedua dibuat dua hari kemudian, namun tidak dibahas dan dimuktamadkan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail ketika itu, berkata RUU berkenaan tidak dibahasakan berikutan persidangan Dewan Rakyat ditangguhkan pada jam 5.45 petang.

Sementara itu, RUU Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024, RUU Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dan RUU Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 dibentangkan untuk bacaan kali pertama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im

Mokhtar pada 2 Julai lalu.

RUU Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 bertujuan mengadakan peruntukan mengenai mufti, penentuan mengenai hukum dan doktrin syarak serta perkara berkaitan.

Pada 11 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan perincian mengenai RUU Mufti (Wilayah Persekutuan) 2024 akan dirujuk kepada Majlis Raja-Raja.

Sebelum itu, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bertitah baginda tidak berkenan apabila nama Majlis Raja-Raja digunakan dalam

usaha menyokong RUU Mufti (Wilayah Persekutuan).

Selain itu, RUU Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 bertujuan meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 untuk memperkukuh aspek penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam di kawasan itu.

RUU Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 pula bagi meminda Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.